

RONA TINTA

EDISI 2025



FAKULTI PENGURUSAN & PERNIAGAAN
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
CAWANGAN NEGERI SEMBILAN
KAMPUS REMBAU




BUMI SYAM – PERKARA ASAS YANG MASIH RAMAI TIDAK TAHU

**Shahrul Amri Ab Wahab &
Noor Azillah Mohamad Ali**

Tanggal 7 Oktober 2025 genaplah 2 tahun operasi genosid Rejim Tel Aviv atas Semenanjung Gaza. Dan dalam tempoh 2 tahun inilah kita dihadapkan dengan khabar duka dari bumi Gaza hampir setiap hari. Ada ketikanya khabar yang sama turut datang dari bumi Lubnan, Syria, Iran, Yaman, dan Qatar akibat lemahnya kesatuan negara Islam dan Arab dalam memelihara maruah saudara serumpun dan seagama mereka.

Sewajarnya dalam tempoh ini juga kita patut telah banyak menambah pengetahuan berkaitan dengan Palestin secara khusus, serta wilayah Syam atau disebut Levant dalam bahasa Inggeris secara umum. Namun malangnya masih ramai yang tidak tahu perkara asas berkaitan dengan Palestin serta wilayah Syam meskipun berkobar-kobar berkempen untuk pembebasan Palestin.



Gambar 1 - Peta Wilayah Syam kini

Antara perkara pokok yang ramai rakyat Malaysia masih tidak tahu ialah kedudukan geografi dua wilayah Palestin yang dijajah, iaitu Semenanjung Gaza yang lebih kecil (kira-kira seluas daerah Klang di Selangor) dan Tebing Barat yang lebih besar. Semenanjung Gaza adalah sebuah wilayah yang bersempadan dengan laut Mediterranean di barat serta Mesir di Selatan, manakala Tebing Barat merangkumi kawasan yang jauh lebih luas. Tebing Barat merupakan wilayah terletaknya Baitulmaqdis yang dalamnya terkandung kompleks Masjid Al Aqsa. Kedua-dua wilayah Semenanjung Gaza dan Tebing Barat ini pula adalah terasing sejauh kira-kira 100km dan tidak ada 'titik pencantuman' antara kedua-duanya.

Pasti ramai juga yang terpinga-pinga sekiranya ditanya perbezaan antara Hamas dan PLO (Palestine Liberation Organization) kerana ramai yang menyangka hanya ada satu entiti saja yang menguasai politik Palestin. Hakikatnya Hamas (yang berkuasa di Semenanjung Gaza) dan PLO (yang berkuasa di Tebing Barat) adalah dua pertubuhan yang kontra dari banyak sudut, dan kedua-duanya boleh dikatakan 'bermusuhan'. Presiden Palestin Mahmoud Abbas (juga dikenali dengan kuniyah Abu Mazen) adalah daripada PLO, dan pertubuhan ini yang secara umumnya mewakili Palestin di pentas antarabangsa seperti PBB, Liga Arab dan OIC. Bahkan duta-duta Palestin di seluruh dunia juga dilantik oleh PLO.

Satu lagi perkara yang masih ramai tidak sedar ialah anutan agama di kalangan rakyat Palestin. Walaupun majoriti besar daripada mereka adalah Muslim, ada sebahagian kecil yang menganut agama Kristian. Namun begitu kekejaman Zionis tidak memilih bulu – siapa pun yang cuba menghalang hasrat keji mereka akan diperangi tanpa mengira warna kulit mahupun kepercayaan. Oleh itu, adalah tidak tepat sekiranya ada yang menyebut 'kekejaman Regim Tel Aviv atas umat Islam Palestin' (ironinya siaran berita arus perdana juga biasa melakukan kesilapan ini) kerana ada yang bukan Islam turut menjadi mangsa.

Sekiranya diluaskan perbincangan di atas meliputi seluruh wilayah Syam, maka peratusan penganut agama selain Islam menjadi lebih besar berbanding Palestin sahaja. Lubnan misalnya adalah negara Arab yang paling tinggi peratusan populasi Kristiannya – iaitu sekitar 40%. Bahkan sebelum kemasukan pelarian Palestin pada sekitar 1950-an, separuh daripada rakyat Lubnan adalah penganut Kristian yang majoritinya bermazhab Maronit. Di samping Kristian, terdapat sekitar 5% menganut agama Druze – satu agama yang jarang diketahui oleh rakyat Malaysia sehinggalah timbul berita tentang perbalahan antara puak Druze dan Arab Badwi di Syria beberapa bulan lalu.



Gambar 2 - Gereja Kristian Maronit

Pastinya masih ada banyak maklumat dari segi geografi, demografi dan politik yang masih belum dibincangkan. Namun kami berasa cukuplah beberapa fakta asas ini untuk diketahui oleh para pembaca. Semoga secebis fakta ini akan mendorong para pembaca sekalian mencari lebih banyak informasi berkenaan Palestin dan wilayah sekitarnya.